

Headline **BHEP nafi kakitangan terlibat**  
Date **13. Apr 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Mingguan Malaysia** Page No **18**  
Section **Dlm Negeri** Article Size **46** cm2  
Circulation **483240** Frequency **Daily**  
Readership **1810000** Color **Full Color**



## BHEP nafi kakitangan terlibat

KUALA LUMPUR 12 April - Bahagian Hal-Ehwal Pelajar (BHEP) Universiti Putra Malaysia (UPM) menafikan kakitangannya ditahan Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana kesalahan rasuah pada 13 Mac lalu.

Pegawai Khas, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Husalshah Rizal Hussian berkata, laporan yang mengaitkan kakitangan universiti itu pada 3 April lalu adalah

tidak benar.

"Sebaliknya individu yang dimaksudkan itu adalah dari Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar UPM," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pada 3 April lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan kenyataan dari Ibu Pejabat BPR bahawa dua kakitangan dari BHEP UPM ditahan kerana meminta suapan RM1,650 daripada seorang penuntut universiti itu.